



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 41/2009**

**Pengurusan Cek Bayaran Pampasan Pengambilan Tanah**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

## **Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 41/2009
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

## Kawalan Versi Dokumen

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan**  
**Bilangan 41/2009**

**Pengurusan Cek Bayaran Pampasan Pengambilan Tanah**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pentadbir-pentadbir Tanah mengenai tindakan yang perlu diambil bagi menguruskan cek bayaran pampasan di bawah Akta Pengambilan Tanah, 1960 [Akta 486].

2. Pentadbir Tanah adalah bertanggungjawab membayar pampasan tanah seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 29 Akta Pengambilan Tanah 1960, Bayaran pampasan hendaklah dibuat dengan seberapa segera yang boleh selepas sahaja menyerahkan notis award dalam Borang H kepada orang yang berhak. Jika pampasan tidak dibayar dalam tempoh genap masa (*due date*) iaitu tarikh Borang K dikeluarkan atau tiga (3) bulan selepas Borang H diserahkan, yang mana lebih awal, bayaran denda lewat 8% setahun daripada jumlah pampasan akan dikenakan.

3. Seksyen 32A pula menyatakan bahawa bayaran dianggap telah dibuat:-

- a) pada hari sebagaimana diberitahu secara bertulis oleh Pentadbir Tanah bahawa cek, kiriman wang atau wang tunai telah sedia untuk diambil oleh orang yang berkepentingan; atau
- b) pada hari cek atau kiriman wang dihantar oleh Pentadbir Tanah melalui pos berdaftar kepada orang yang berkepentingan; atau
- c) pada hari cek atau kiriman wang diserah/dihantar oleh Pentadbir Tanah ke Mahkamah.

4. Pentadbir Tanah, setelah menerima cek, hendaklah seberapa segera menyerahkan cek tersebut kepada penerima sama ada kepada tuan tanah, Amanah Raya Berhad atau mendepositkan ke Mahkamah. Tindakan ini hendaklah dibuat pada atau sebelum tarikh genap masa (*due date*), untuk mengelak daripada caj bayaran lewat.

5. Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan dapat mengurus cek bayaran pampasan pengambilan tanah dengan sempurna untuk mengelak daripada berlakunya perkara-perkara berikut:

- a) cek bayaran pampasan tidak dapat diserahkan dengan segera sebelum tempoh sah laku cek luput;
- b) cek bayaran pampasan tidak diserahkan kepada penerima;
- c) rekod penerimaan dan penyerahan cek bayaran pampasan tidak teratur dan menyebabkan kesukaran untuk memantau pembayaran.

6. Untuk mengelakkan berlakunya perkara-perkara di perenggan 4 di atas, Pentadbir Tanah hendaklah memperkemaskan pengurusan cek bayaran pampasan pengambilan tanah dengan mengambil langkah-langkah pengawalan seperti berikut:

- a) menggunakan borang "Akuan Penerimaan" seperti di **Lampiran A** sekiranya cek bayaran pampasan diserahkan oleh Pentadbir Tanah lain;
- b) mengemas kini rekod penerimaan dan penyerahan cek bayaran pampasan ke dalam "Buku Rekod Penerimaan dan Penyerahan Cek Bayaran Pampasan" seperti di **Lampiran B**;

- c) cek bayaran pampasan hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan berkunci;
- d) cek bayaran pampasan boleh diserahkan kepada wakil penerima yang diberi surat kuasa untuk berbuat demikian oleh penerima dan surat tersebut hendaklah difailkan.

7. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Jabatan Peguam Negara dan berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan. Dengan kuat kuasa pekeliling ini, maka Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bilangan 3/1999 dibatalkan.



**( DATO' ABD HALIM BIN AIN )**  
**Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**

No. Fail: JKPTG/101/KPU/779 Jld. 4  
Tarikh: 31 Disember 2009

Pentadbir Tanah

.....  
.....

**AKUAN PENERIMAAN**

Saya, ..... No. K/P .....  
beralamat .....  
mengaku menerima cek no. ..... bernilai RM ..... sebagai bayaran  
pampasan pengambilan tanah lot ..... hakmilik .....  
\*Mukim/Pekan/Bandar ..... Daerah ..... bagi  
projek .....

Diserahkan oleh:

.....

(Tandatangan)

Penerima:

.....

(Tandatangan/Cop Ibu Jari Kanan)

Nama: .....  
Jawatan: .....  
Tarikh: .....

Nama: .....  
Tarikh: .....

---

\*Potong yang tidak berkenaan.



**REKOD PENERIMAAN DAN PENYERAHAN CEK BAYARAN PAMPASAN**

Nama Projek dan Rujukan Fail	No. Lot dan No. Hakmilik	Nama Penerima Cek	No. Cek, Tarikh dan Amaun	Tarikh Terima Cek Dari Agensi	Nama, No. Kad Pengenalan dan Alamat Pengambil Cek	Tarikh Cek Diserahkan/Pos Berdaftar	Tandatangan Pengambil Cek